

27/10/1998

Cabaran baru Komanwel

Nukhairiyah Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Komanwel pada alaf mendatang memberi tumpuan untuk pembangunan sejagat, memastikan demokrasi, pembentukan kerajaan berwibawa dan usaha ke arah pembangunan ekonomi mapan.

Ketua Setiausahanya, Chief Emeka Anyaoku, berkata Komanwel juga akan menghadapi isu dan cabaran baru seperti pemusnahan alam semula jadi atau jenayah antarabangsa, berikutan peningkatan masalah di serata dunia yang memerlukan penyelesaian global.

"Apabila memandang ke depan, sumbangan Komanwel terhadap tolak ansur dan persefahaman bukan hanya khidmat kepada anggotanya, tetapi juga kepada masyarakat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucap-tama Komanwel Pada 50 pada Persidangan Dwitahunan Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU) di sini, semalam. Persidangan empat hari itu yang bermula hari ini dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anyaoku berkata, Komanwel sebagai pembina jambatan antara masyarakat, negara dan rantau, pada semua peringkat pembangunan, boleh menjadi contoh untuk diikuti negara lain.

Beliau turut menyentuh sejarah ringkas pembentukan Komanwel dan kemajuan semasa pertubuhan itu yang diwujudkan pada April 1949.

"Sejak mula lagi, Komanwel, adalah persatuan yang komited kepada keadilan masyarakat dan menentukan keperluan negara sendiri.

"Oleh itu, kita menjadi pilihan bagi kebanyakan negara yang baru merdeka," katanya.

Katanya, kejayaan Komanwel paling berinovatif yang digunakan 40 negara ialah pakej perisian komputer untuk menguruskan hutang luar, kadar faedah - menunjukkan faedah yang dapat dijimatkan dengan pembiayaan semula pinjaman.

Justeru, katanya Komanwel dapat dijadikan contoh dari segi kerjasama dan pembangunan bagi dunia menuju ke alaf baru.

(END)